

TERMA RUJUKAN BAGI JAWATANKUASA PERSEKITARAN, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP) AKADEMI BAHASA, UTM JOHOR BAHRU

1. Memastikan Akademi Bahasa melaksanakan dasar persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam premis kampus Universiti mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA).
2. Mengambil langkah-langkah keselamatan, persekitaran dan kesihatan pekerjaan secara holistik merangkumi ruang bagi Blok D05 dan D06 termasuk Pejabat Dekan dan Pejabat Am Pentadbiran, makmal bahasa, bilik kuliah, bilik seminar, bilik VIVA, bilik-bilik pensyarah dan ruang-ruang lain serta kawasan sekitarnya di bawah kawalan Akademi Bahasa.
3. Mengambil tindakan dan langkah pencegahan bagi memastikan suasana persekitaran dan kesihatan pekerjaan mengikut piawaian selaras dengan Akta OSH.
4. Mencadangkan program dan aktiviti tahunan yang berkaitan persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada Jawatankuasa OSHE Universiti.
5. Melaksanakan program dan aktiviti tahunan yang dirancang oleh Jawatankuasa OSHE bagi Akademi Bahasa dan Universiti bagi menerapkan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
6. Membuat laporan kepada pihak Universiti dan pihak Pejabat Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dan mengambil langkah-langkah yang perlu apabila berlaku kemalangan di tempat kerja.
7. Menyediakan maklumat yang diperlukan bagi membantu melaksanakan langkah-langkah pencegahan kemalangan seperti latihan, kempen seminar dan seumpamanya.
8. Memastikan segala peralatan berada dalam keadaan yang selamat digunakan serta memastikan penggunaan peralatan mengikut Prosedur Kerja Selamat.
9. Melaksanakan proses audit dalam persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi Akademi Bahasa sekurang-kurang setahun sekali.

Jadual Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah **dijalankan setiap tiga (3) bulan sekali** dan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

